

MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK SEKOLAH TUN FATIMAH TAHUN 2014

27/05/2014

SEKOLAH TUN FATIMAH, JOHOR BAHRU

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia dan izinNya, dapat kita berhimpun pada petang ini, sempena Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Sekolah Tun Fatimah tahun 2014. Majlis ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan atas kecemerlangan akademik pelajar-pelajar Sekolah Tun Fatimah dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2013.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada semua pihak yang telah menjemput saya hadir dalam majlis yang diadakan ini terutamanya pihak Pengurusan Sekolah dan PIBG Sekolah Tun Fatimah.
3. Di kesempatan ini, masih belum terlewat untuk mengucapkan Selamat Hari Guru khas kepada semua warga guru yang hadir pada petang ini. saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada para pendidik yang telah berusaha dengan sedaya upaya untuk mendidik anak-anak bangsa sehingga mereka berjaya mencapai kejayaan yang cemerlang.
4. Syabas dan tahniah saya ucapkan terutamanya kepada keseluruhan kepimpinan dan pengurusan sekolah, PIBG dan ibubapa yang begitu komited, sehingga membolehkan sekolah mencapai tahap Sekolah berasrama Penuh (SBP) terbaik dalam SPM (2013) dengan menerima tujuh Anugerah Platinum dan tiga Anugerah Perak selain Anugerah Emas hasil pencapaian semua A dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).
5. Kejayaan ini adalah kejayaan semua pihak yang telah mendokong tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan baik dan berkesan, sehingga berjaya mewujudkan iklim dan persekitaran sekolah yang kondusif kepada para pelajarnya untuk mencapai kejayaan yang terbaik.

6. Sesungguhnya, pencapaian yang tinggi yang telah diperolehi ini bukanlah datang bergolek, tetapi pastinya ia adalah hasil usaha gigih para guru dan pelajar, dan juga bantuan PIBG dari dulu hingga sekarang.

7. Oleh itu, saya berharap agar kejayaan yang dicapai ini dapat diteruskan di masa hadapan, semoga hasrat pembangunan modal insan yang cemerlang dan mampu bersaing sehingga ke peringkat global, boleh dibangunkan melalui sistem pendidikan negara mengikut acuan kita sendiri.

Tuan / puan yang dihormati,

8. Pencapaian keberhasilan yang tinggi dalam sistem pendidikan kita akan hanya berlaku jika kita dapat memastikan semua sekolah berkemampuan menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkualiti serta membangunkan sahsiah dan keperibadian setiap murid.

9. Sekolah Tun Fatimah adalah salah satu daripada benih yang ditanam oleh pemimpin dan pendidik terdahulu. Hasilnya dan buktinya ada di hadapan saya, di dewan ini. Saya berharap kecemerlangan Sekolah ini akan berterusan. Malah, saya berpandangan bahawa tidak ada sebab mengapa kecemerlangan ini tidak dapat dikekalkan.

PEMBENTUKAN MODAL INSAN

10. Kecemerlangan akademik yang tinggi semata-mata belum menjamin seseorang itu berjaya menempuh cabaran global. Di samping itu, dorongan yang kuat untuk meningkatkan prestasi sekolah harus disertai dengan kesedaran yang mendalam tentang peranan sebenar guru dalam mendidik murid agar menjadi insan yang baik. Ini merangkumi persoalan nilai, moral dan budaya yang ingin diterapkan ke dalam jiwa setiap murid bagi membentuk kesempurnaan peribadi dan keteguhan jatidiri.

11. Dalam kesungguhan kita untuk meningkatkan prestasi, jangan kita lupa bahawa para pelajar perlu dididik dengan nilai-nilai murni. Mereka perlu diasuh supaya sentiasa menghormati guru dan ibu bapa, berikhtiar meningkatkan keupayaan diri, bantu-membantu dan bersaing secara sihat bagi mencipta kejayaan bersama. Nilai-nilai murni ini merupakan teras budaya kecemerlangan yang mesti dijadikan pendorong utama lonjakan prestasi sekolah.

12. Adalah menjadi tanggungjawab dan peranan kita semua memastikan generasi pelajar hari ini, lebih-lebih lagi dalam kalangan mereka yang berada di sekolah premier untuk memiliki gagasan, budaya, nilai dan etika moral yang tinggi serta jati diri yang kental supaya mereka dapat menangkis pengaruh globalisasi yang negatif dan menerima segala yang positif dan memberi faedah untuk kemajuan diri.

13. Justeru itu, kita perlu memberi perhatian kepada pendidikan watak atau character education, di samping pada masa yang sama menekankan kepada pendidikan kreatif bagi melahirkan pelajar berfikiran kreatif, kritis dan inovatif.

14. Inovasi dan kreativiti merupakan elemen utama pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Berprestasi Tinggi. KPM sentiasa menggalakkan percambahan daya inovasi dengan pemantapan latihan guru, penerapan budaya inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, pemberian ganjaran berteraskan prestasi dan peranan aktif ibu bapa, demi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran.

15. Anak-anak semua merupakan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin dan mencorakkan negara kita di masa akan datang. Namun, di manakah anak-anak akan berada 10 tahun akan datang, adalah ditentukan oleh langkah yang diambil pada hari ini. Tidak kira di mana pun tahap akademik anak-anak, saya yakin semuanya mampu membuat keputusan yang terbaik.

16. Sesungguhnya saya bangga dengan semangat dan keazaman yang ditunjukkan oleh anak-anak semua, yang saya harapkan akan terus berkekalan sehingga bila-bila.

Dengan pelajarnya yang terpilih, pengetua dan guru-guru yang dedikasi, serta PIBG yang komited dengan semangat esipirit de corp, dibekalkan pula dengan kemudahan dan fleksibiliti yang diberi di bawah SBT, maka sudah tersedia 'resipi' untuk diadun bagi menempa kejayaan, Insya-Allah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Pembangunan modal insan yang cemerlang bukanlah satu perkara yang mudah. Pastinya, ia mampu memulangkan semula modal pelaburan yang bukan dalam bentuk kewangan tetapi dalam bentuk kepakaran dan kebijaksanaan menguasai pelbagai disiplin ilmu.

18. Oleh itu, majlis pada petang ini, merupakan salah satu kaedah dalam

memberi pengiktirafan kepada mereka yang cemerlang dan diharapkan akan terus berjaya dan mampu menyumbang kembali kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

19. Saya difahamkan bahawa seramai 247 orang pelajar cemerlang dalam bidang akademik akan menerima anugerah kecemerlangan pada petang ini.

20. Syabas dan tahniah kepada yang berjaya dan harapan saya, teruskan lagi usaha dengan penuh keyakinan, semoga kecemerlangan dalam apa-apa bidang yang diceburi dapat diraih lagi di masa hadapan. Namun, usahlah lupa kepada mereka yang telah berjasa kepada anda terutamanya ibubapa, agama, bangsa dan negara selepas anda berjaya mengecap kejayaan nanti.

21. Akhir kata, saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini. Semoga semua penerima anugerah ini dapat mengekalkan rentak kecemerlangan dan komitmen yang telah ditunjukkan selama ini. Jadikanlah kejayaan dan kecemerlangan ini sebagai landasan untuk terus maju di masa hadapan.

Sekian,

wabillahi al-taufiq wa al-hidayah wa as-salamu'alaikum wa rahmatullahi wabarakatuh.